

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]

TARIKH : 20 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN : 64

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sama ada pencapaian paling teruk Malaysia di Indeks Kebebasan Media Sedunia 2014-2017 - kita berada di tempat ke 147 daripada 180 negara yang dikaji, lebih rendah kedudukannya daripada Myanmar adalah selaras dengan dakwaan beliau bahawa Malaysia adalah satu demokrasi terbaik di dunia dan apakah respons Kerajaan terhadap pencapaian berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

World Press Freedom Index oleh *Reporters Without Borders* (RWB), telah menarafkan Malaysia pada kedudukan 147 daripada 180 negara pada tahun 2014 berbanding 145 daripada 179 negara pada tahun 2013. Walau bagaimanapun kedudukan ini tidak melambangkan situasi sebenar kebebasan media di Malaysia.

Kajian penarafan ini hanya merangkumi perspektif pelbagai kebebasan media, persekitaran media, *self-censorship*, perundangan, ketelusan

dan infrastruktur media. Turut diambil kira adalah soal pelanggaran hak wartawan, *netizen*, jurugambar, dan jurukamera. Kriteria-kriteria yang diambil kira memandang dari sudut kebebasan media “mutlak” sedangkan dalam amalan demokrasi, sesebuah negara masih memerlukan kepada pemantauan. Kebebasan itu juga perlu disertakan dengan tanggungjawab. Undang-undang media dan interpretasinya bagi setiap negara adalah berbeza begitu juga di Malaysia. Di Malaysia, organisasi media mengamalkan *social responsibility system*, iaitu mereka mempunyai tanggungjawab memainkan peranan dalam membangunkan kesejahteraan rakyat.

Namun sejak kebelakangan ini, kebebasan media agak tersekat, bukan kerana kongkongan Kerajaan sebaliknya ancaman saman demi saman oleh sesetengah pemimpin pembangkang yang seolah-oleh mahu menutup mulut organisasi media daripada membuat laporan yang tidak memihak kepada mereka.

Selain itu, kewujudan pelbagai media konvensional dan media baharu seperti blog, portal berita, youtube, facebook tanpa sekatan membuktikan Malaysia bersikap terbuka dalam penyaluran maklumat selagi tidak menggugat dan mengancam keharmonian dan keselamatan Negara. Kesimpulannya, *World Press Freedom Index* oleh RWB ini bukanlah kayu pengukur yang boleh melambangkan keadaan sebenar kebebasan media di Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SEAH LEONG PENG
[TELOK INTAN]**

TARIKH : 20 MAC 2014

RUJUKAN : 6531

SOALAN:

Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) selepas 6P, berapakah jumlah pekerja asing yang telah didaftarkan dan berapakah anggaran pekerja asing yang masih tidak berdaftar lagi; dan
- (b) mengapa terdapat lambakan pekerja asing dari Negara China bekerja di bidang perkhidmatan refleksologi sedangkan pekerja dari Negara China dan sektor refleksologi tidak tersenarai dalam negara sumber dan sektor yang dibenarkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Seramai 1,015,852 PATI telah mendaftar bagi tujuan bekerja di bawah Program 6P. Bagaimanapun, daripada jumlah tersebut seramai 519,499 PATI telah dibenarkan untuk bekerja di bawah Program 6P dan Program Khas Pengurusan PATI (PKPP). Tempoh penggajian yang dibenarkan di bawah program-program tersebut adalah 3 tahun untuk sektor yang dibenarkan dan 2 tahun bagi sektor beku dan luar dasar. Sehubungan itu, baki PATI yang tidak memperolehi kebenaran bekerja semasa program tersebut akan diambil tindakan penguatkuasaan.**

- (b) Berdasarkan Statistik PLKS Aktif Sehingga 31 Januari 2014, tidak terdapat lambakan pekerja asing dari Negara China bekerja di bidang perkhidmatan refleksologi seperti mana yang didakwa. Namun hanya sebilangan kecil sahaja yang dibenarkan untuk bekerja di sub sektor perkhidmatan refleksologi sebelum ianya dibekukan pada 22 Januari 2009. Sehubungan itu, masih terdapat warga China yang bekerja dalam sektor berkenaan kerana tempoh penggajian pekerja asing dibenarkan sehingga maksimum 10 tahun.**

Pada masa ini, pekerja asing dari negara China bukanlah merupakan negara sumber yang dibenarkan untuk pengambilan pekerja asing. Bagaimanapun, Kerajaan telah membuka semula sub sektor perkhidmatan refleksologi yang

sebelum ini dibekukan dan membenarkan pengambilan pekerja asing dari negara sumber yang dibenarkan sahaja. Agensi Kawal Selia yang bertanggungjawab dalam mengawal selia sub sektor ini adalah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan tempoh pembukaan sub sektor ini adalah hanya untuk mengisi keperluan guna tenaga sehingga tahun 2016 sahaja.